

'JANJI' BANGKANG PERJUJI 'HAK MENGUNDI'

● CERAMAH parti politik oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Pengerusi Barisan Nasional malam Rabu 19 April 1982 pukul 7.45 malam kelmarin ●

PARA pengundi Malaysia, pada 22 April ini, 'tuan-tuan dan puan-puan' pada kali yang ke-7 akan mengundi untuk memilih Kerajaan bagi negara kita Malaysia.

Kuasa mengundi ini adalah satu kuasa yang perlu dihargai kerana ia merupakan satu daripada hak rakyat di negara demokrasi ini. Oleh kerana kuasa ini begitu penting, penggunaannya hendaklah juga dibuat dengan cara yang teliti untuk menentukan bahawa kuasa ini akan membawa manfaat kepada rakyat keseluruhannya.

Di dalam pilihanraya ini, tuan-tuan dan puan-puan akan memilih calon-calon yang terdiri dari beberapa parti politik di dalam negara ini. Tetapi walaupun kita memilih calon bagi kawasan-kawasan pada hakikatnya, kita juga memilih kerajaan kerana calon-calon daripada parti-parti tertentu yang mendapat majoriti ialah yang akan menubuh Kerajaan.

Di dalam Malaysia walaupun terdapat beberapa buah parti politik, cuma satu saja parti politik yang betul-betul bercorak nasional.

Parti politik yang bercorak nasional ialah Barisan Nasional yang meletakkan calon-calonnya di semua kawasan pilihanraya di seluruh negara iaitu daripada Perlis hinggalah ke Sabah.

Parti-parti yang lain yang juga bertanding dalam pilihanraya ini cuma meletakkan beberapa calon di beberapa kawasan sahaja dan calon-calon mereka tidak mewakili semua kaum yang ada di Malaysia.

Oleh kerana ini, cuma Barisan Nasional sahajalah yang mampu untuk mendirikan sebuah Kerajaan.

Parti-parti yang lain yang bertanding cuma berharap untuk menjadi pembangkang sahaja ataupun sebab-sebab besar mereka boleh menjadi Kerajaan di negeri-negeri tertentu saja.

Di peringkat Pusat, sudah tentu parti-parti pembangkang tidak mungkin menubuh Kerajaan. Ini mempunyai makna yang besar, kepada pengundi dan rakyat Malaysia.

Kalau kita memilih calon daripada parti yang boleh membentuk Kerajaan maka kita akan mendapat Kerajaan yang akan berkhidmat kepada kita.


Sebaliknya, calon-calon yang mewakili parti pembangkang tidak mungkin mendirikan Kerajaan dan oleh kerana itu mereka tidak mungkin membuat sesuatu apa untuk kepentingan rakyat.

Mereka setakat boleh merayu kepada Kerajaan.

Sebaliknya, calon-calon daripada parti Barisan Nasional yang akan membentuk Kerajaan mereka adalah lebih dekat kepada Kerajaan dan segala janji-janji mereka dapat dipertimbangkan dengan mudah oleh Kerajaan dan di mana Kerajaan mampu sudah tentu janji-janji ini akan ditunaikan.

Janji-janji yang dibuat oleh parti pembangkang, parti-parti yang kecil ini cuma sangat tinggi sahaja kerana mereka tidak mungkin berkuasa menunaikan janji-janji mereka.

Sebab itu kita dapat bahawa parti-parti



DI MALAYSIA WALAUPUN TERDAPAT BERBAPA BUAH PARTI POLITIK, CUMA SATU PARTI POLITIK YANG BETUL-BETUL BERCORAK NASIONAL IAITU BARISAN NASIONAL YANG MELETTAKAN CALONNYA DI SEMUA KAWASAN PILIHANRAYA

pembangkang dengan mudahnya membuat janji. Janji mereka dibuat semata-mata untuk mendapat undi dan selepas itu apabila mereka dapat kemenangan dan tidak dapat menunaikan janji, mereka akan menyalahkan Kerajaan, sedangkan mereka tahu betul-betul di waktu mereka membuat janji ini bahawa mereka tidak mungkin menunaikan janji.

Mereka telah membuat janji-janji ini pada tiap-tiap pilihanraya. Dan apabila selepas pilihanraya mereka mencenangi kerusi, mereka menyalahkan Kerajaan tetapi apabila diadakan pilihanraya pula, mereka sekali lagi membuat janji-janji yang penuh kesedaran bahawa janji mereka itu tidak mungkin dapat mereka tunaikan.

Menyalahkan

Ini menunjukkan bahawa mereka sebenarnya membuat dakwah semata-mata untuk mendapat tempat bagi mereka. Sabaliknya, calon-calon daripada Barisan Nasional memang diberitahu supaya membuat janji-janji yang boleh ditunaikan oleh mereka sahaja kerana kita tahu bahawa kita akan menubuh Kerajaan dan jika janji-janji dibuat itu tidak mungkin ditunaikan, maka kredibiliti kita akan hilang.

Jadi tuan-tuan dan puan-puan, pada 22 April ini tuan-tuan dan puan-puan akan memilih calon-calon daripada parti-parti yang bertanding dan saya berharap tuan-tuan dan puan-puan akan memperingatinya tentang sejarah 33 tahun kita merdeka yang mana parti Barisan Nasional yang dahulunya dikenal sebagai Perikatan telah memerintah negara kita ini dan telah menunaikan janji-janji-parti ini.

Kita mempunyai rekod yang boleh ditunjukkan dengan mudah oleh sesiapa

juga dan rekod kita menunjukkan bahawa di dalam 33 tahun kita merdeka, negara kita ini berada dalam keadaan aman dan makmur dan rakyat melihat pembangunan yang pesat sehingga negara kita ini terkenal

● MENGUNDI adalah hak rakyat bagi memilih kerajaan mengamalkan demokrasi. sebagai contoh pembangunan di kalangan negara-negara yang terdiri dari kalangan yang membangun di seluruh dunia. Oleh kerana itu, saya berharap dan merayu kepada para pengundi sekalian supaya mem-

berli sokongan undi mereka kepada calon-calon yang terdiri dari Barisan Nasional supaya dapat Barisan Nasional menubuhkan Kerajaan yang akan meneruskan dasar-dasar yang sekian lama

telah membawa begitu banyak manfaat kepada kita. Jangulah kita perjudikan hak kita mengundi ini kerana perasaan yang didorong oleh desakan daripada parti-parti pembangkang yang

membawa hujah-hujah semata-mata membangkitkan emosi perkuaman dan tidak sedikit pun memupuk perhatian kepada kebaikan dan kepada pembangunan dan kestabilan negara kita. Tuan-tuan dan puan-

puan, saya mengucapkan selamat kepada tuan-tuan dan puan-puan pada 22 April ini, tuan-tuan dan puan-puan akan mengundi Barisan Nasional. Terima kasih.